

## **Tahap Pencapaian Pelajar Perakaunan Dalam Kursus Undang-Undang Komersan**

**Nor Azila Abdullah<sup>1\*</sup>, Norwani Harun<sup>1</sup>, Farah Azua Othman<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Department of Commerce, Politeknik Seberang Perai, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang  
\*Corresponding author E-mail: norazila2209@gmail.com

### **Abstrak**

Program Diploma Perakaunan direka bentuk bertujuan menghasilkan pentadbir perakaunan berkemahiran teknikal dan berpengetahuan asas di sektor awam dan swasta. Pelajar dilengkapi dengan pengetahuan dalam pelbagai bidang berkaitan dengan perakaunan, pengurusan dan undang-undang. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus teori berdasarkan kursus Undang-Undang Komersan. Seramai 100 orang telah dipilih secara rawak di kalangan pelajar Diploma Perakaunan daripada Semester 3 hingga Semester 6 yang melibatkan pelajar Jabatan Perdagangan di Politeknik Seberang Perai (PSP). Pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama bagi mendapatkan data untuk kajian ini. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 21.0. Nilai kekerapan, peratusan dan min dikira untuk menentukan kecenderungan memusat pengaruh sesuatu faktor terhadap pencapaian pelajar. Objektif utama pengkaji adalah untuk mengenalpasti tahap pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus Undang-Undang Komersan adalah berdasarkan kaedah pembelajaran, minat pelajar atau pengaruh rakan sebaya. Hasil kajian mendapati faktor kaedah pembelajaran yang menjadi faktor utama pelajar Diploma Perakaunan lemah dalam kursus ini. Diharapkan hasil daripada kajian yang diperolehi akan berguna kepada pihak-pihak yang berkepentingan pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** undang-undang komersan; kaedah pembelajaran; minat pelajar; pengaruh rakan sebaya.

### **1.0 PENGENALAN**

Malaysia adalah di antara negara membangun yang pesat berkembang. Namun usaha ini perlu seiring dengan jumlah tenaga profesional bagi mencapai matlamat tersebut. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, "Kini terdapat kira-kira 30,000 profesional perakaunan di Malaysia, 28 peratus daripadanya adalah akauntan bertauliah". Beliau menjelaskan lagi, perakaunan adalah satu daripada bidang utama yang negara ini masih kekurangan dan Malaysia perlu menggandakan jumlah akauntannya kepada 60,000 orang dalam usaha untuk membantu transformasi kepada negara maju menjelang 2020 (Sinar Harian, 25 Mei 2015). Oleh itu, Jabatan Pendidikan Politeknik mengambil inisiatif untuk memenuhi permintaan ini dengan menawarkan program Diploma Perakaunan. Ia adalah satu harapan jabatan untuk menyediakan tenaga kerja dalam bidang perakaunan bagi memenuhi keperluan semasa.

Menurut MALAYSIAN QUALIFICATION AGENCY, 2014 (MQA), program perakaunan di peringkat diploma bertujuan menghasilkan pentadbir perakaunan berkemahiran teknikal dan berpengetahuan asas dalam kerjaya di sektor awam dan swasta. Kursus-kursus yang diambil juga menggambarkan cabang-cabang kerjaya yang berkaitan dengan jurusan perakaunan. Antara kursus teras disiplin yang ditawarkan ialah kursus Perakaunan Kewangan, Perakaunan Pengurusan, Percukaian dan Audit. Berdasarkan kursus-kursus yang ditawarkan, umum telah menghuraikan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan di dalam Diploma Perakaunan lebih menjurus kepada pengiraan berbanding teori.

Diploma Perakaunan sebenarnya juga mempunyai beberapa kursus teras umum yang berkaitan dengan teori antaranya kursus Undang-Undang Komersan dan Undang-Undang Syarikat. Namun begitu, timbul satu senario di mana keputusan peperiksaan untuk Undang-Undang Komersan oleh pelajar Diploma Perakaunan sangat mengecewakan berbanding kursus-kursus lain yang ditawarkan. Mengapakah situasi ini berlaku? Adakah pelajar memandang ringan kursus Undang-Undang Komersan hanya kerana ia kursus teras umum atau pelajar Diploma

Perakaunan itu sendiri lemah dan tidak berminat dalam kursus berdasarkan teori. Profession perakaunan perlu ada tentang pemahaman mengenai Undang-Undang Komersan di mana apabila berlaku sesuatu kekangan dan potensi liabiliti maka ia akan dapat dipatuhi. Menurut Heng Seai Kia (2013) pula, seorang kauntan mestilah mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman untuk memastikan ketepatan laporan kewangan untuk orang perseorangan dan perniagaan. Ini bermakna seorang akauntan bukan sahaja perlu memiliki pengetahuan perakaunan malah merangkumi aspek undang-undang komersan yang penting dalam mengetahui selok- belok

Oleh sebab itu, pelajar perlu memandang serius akan hal ini kerana kursus ini memberikan kepentingan yang sangat berharga. Jadi, apakah yang menyebabkan pelajar Diploma Perakaunan lemah dalam kursus Undang-Undang Komersan walaupun matapelajaran ini akan memberi impak kepada pelajar apabila menuju ke alam pekerjaan kelak. Di sini, pengkaji telah membuat penyelidikan tentang faktor-faktor yang menyebabkan pelajar lemah dalam kursus Undang-Undang Komersan.

## **2.0 PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan keperluan standard MQA, syarat pengambilan kursus Diploma Perakaunan adalah perlu lebih baik berbanding kursus-kursus yang lain di dalam bidang bukan teknikal. Berpandukan kepada syarat MQA, syarat kemasukan ke Diploma Perakaunan mestilah sekurang-kumperolehi 3 kredit termasuk Matematik dan lulus bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Umum beranggapan tidak menjadi masalah kepada mereka untuk mempelajari kursus yang ditawarkan oleh politeknik samada kursus tersebut berdasarkan pengiraan mahupun teori.


Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pula, masalah mengingat fakta dan menghuraikan fakta sememangnya merupakan satu masalah bagi pelajar, khususnya bagi pelajar yang lemah dari segi akademik. Akan tetapi setelah diperhati dan diperhalusi didapati masalah mengingat fakta dalam kursus ini berlaku akibat dari beberapa faktor. Antaranya ialah mungkin disebabkan oleh sikap pelajar yang tidak berminat untuk membaca dan tidak berminat untuk ingin tahu, cara pelajar menghafal fakta tanpa memahami konsep undang-undang dan kes-kes yang berlaku dan sikap pelajar yang tidak suka bertanya untuk lebih faham. Selain itu, masalah ini wujud adalah disebabkan oleh pelajar yang terlalu bergantung kepada ayat buku teks menyebabkan pelajar tidak dapat menjawab soalan apabila ayat tersebut diubah dan juga kebergantungan kepada fakta buku teks semata-mata menyebabkan pelajar tepu dan rigid untuk berfikir.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi seperti di Jadual 1 dan Rajah 1, jelas sekali menunjukkan bahawa pelajar Diploma Perakaunan lemah dalam kursus teori. Hal ini dapat dilihat dengan perbezaan peratusan keputusan pelajar Diploma Perakaunan berbanding pelajar Diploma Pengajian Perniagaan berdasarkan pencapaian gred bagi kursus Undang-Undang Komersan. Sumber peratusan keputusan ini adalah dari Unit Peperiksaan Politeknik Seberang Perai iaitu Sesi Jun 2014 hingga Sesi Disember 2015.

**Jadual 1:** Peratus Pencapaian Gred Bagi Kursus Undang-Undang Komersan Mengikut Program

MARKAH	NILAI MATA	GRED	JUN2014		DIS2014		JUN2015		DIS2015	
			DAT	DPM	DAT	DPM	DAT	DPM	DAT	DPM
			%	%	%	%	%	%	%	%
75 - 100	3.67 - 4.00	A	0	11	5	12	0	4	0	0
60 - 74	2.67 - 3.33	B	37.5	62	46	45	31	62	25	11
47 - 59	1.67 - 2.33	C	50	23	45	39	52	34	43	67
40 - 46	1.00 - 1.33	D	12.5	4	4	4	16	0	27	18
0 - 39	0.00 - 0.67	E	0	0	0	0	1	0	5	4
JUMLAH			100	100	100	100	100	100	100	100

(Sumber : Unit Peperiksaan, Politeknik Seberang Perai)



**Rajah 1 :** Peratus Pencapaian Gred Bagi Kursus Undang-Undang Komersan Mengikut Program

Jadual 1 dan Rajah 1 menunjukkan peratusan serta graf keputusan pelajar Diploma Perakaunan dan Diploma Pengajian Perniagaan di Politeknik Seberang Perai pada sesi Jun dan Disember 2014 dan sesi Jun dan Disember 2015.

Pada sesi Jun 2014, peratusan pelajar Diploma Perakaunan yang memperoleh gred tertinggi (A dan B) lebih rendah berbanding pelajar Diploma Pengajian Perniagaan iaitu perbezaan sebanyak 35.5%. Seterusnya peratusan pelajar Diploma Perakaunan yang memperoleh gred tertinggi (A dan B) berbanding pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan pada sesi Disember 2014 pula mempunyai perbezaan sebanyak 6% di mana keputusan pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan lebih baik berbanding pelajar Diploma Perakaunan.

Pada sesi Jun 2015 pula peratusan pelajar Diploma Perakaunan yang memperoleh gred tertinggi (A dan B) juga lebih rendah berbanding pelajar Diploma Pengajian Perniagaan iaitu perbezaan sebanyak 35%. Seterusnya peratusan pelajar Diploma Perakaunan yang memperoleh gred tertinggi (A dan B) berbanding pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan pada sesi Disember 2015 pula mempunyai perbezaan sebanyak 14% di mana keputusan pelajar Diploma Perakaunan lebih baik berbanding pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan. Namun begitu tiada seorang pelajar pun yang mendapat A dalam kursus tersebut.

Keputusan pencapaian bagi empat semester berkenaan menunjukkan pada sesi Jun 2014, Disember 2014 dan Jun 2015, pencapaian pelajar Diploma Pengajian Perniagaan lebih baik berbanding Diploma Perakaunan. Hanya pada sesi Disember 2015 keputusan pelajar Diploma Perakaunan lebih baik berbanding pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan. Persoalannya, apakah faktor yang telah menyumbang dalam permasalahan ini yang menyebabkan pelajar Diploma Perakaunan lemah dalam kursus Undang-Undang Komersan.

Berdasarkan persoalan di atas pengkaji ingin mengenalpasti faktor yang menyebabkan pelajar perakaunan bermasalah serta lemah dalam kursus Undang-Undang Komersan.

## **2.1 Objektif Kajian**

- i. Menenalpasti tahap pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus Undang-Undang Komersan berdasarkan kaedah pembelajaran.
- ii. Menenalpasti tahap pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus Undang-Undang Komersan berdasarkan minat pelajar.
- iii. Menenalpasti tahap pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus Undang-Undang Komersan berdasarkan pengaruh rakan sebaya.

## 2.2 Persoalan Kajian

- i. Adakah tahap pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus Undang-Undang Komersan dipengaruhi oleh kaedah pembelajaran?
- ii. Adakah tahap pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus Undang-Undang Komersan dipengaruhi oleh minat pelajar?
- iii. Adakah tahap pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus Undang-Undang Komersan dipengaruhi oleh rakan sebaya?

## 3.0 SOROTON KAJIAN

Soroton kajian yang lepas menyatakan kaedah pembelajaran kooperatif mempunyai dasar-dasar atau prinsip-prinsip khusus yang dapat meningkatkan pembelajaran di samping berupaya memupuk nilai-nilai murni seperti hormat, bertanggungjawab dan kemahiran-kemahiran sosial yang berguna kepada pelajar. Penglibatan sedemikian bermakna pelajar akan mempunyai motivasi tersendiri untuk belajar (Salha Mohamed Hussain, 2014).

Kaedah pembelajaran yang menekankan aspek bagaimana untuk menggunakan pengetahuan yang ada serta bagaimana untuk berfikir sangat diperlukan. Hal ini disokong oleh pengkaji lepas yang menyatakan bahawa strategi-strategi seperti mengatur waktu belajar, teknik membuat nota, mengulangkaji, pemilihan persekitaran belajar, persiapan menghadapi peperiksaan dan strategi kognitif menjadi pilihan pelajar (Radha, Noraini & Panek, 2008; Raziturishah, 2004).

Minat juga merupakan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi pembelajaran seseorang. Dalam proses pembelajaran, minat pelajar mempelajari sesuatu perkara itu akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan dan boleh mencetuskan pencapaian seseorang pelajar. Menurut Yahaya dan Ling (2008), minat ini memberi pendorong utama pelajar melakukan sesuatu. Seorang pelajar itu mestilah mempunyai minat yang tinggi dalam setiap bidang yang mereka ceburi. Faktor sikap dan minat ini mempengaruhi matlamat kehendak dan cita-cita seseorang pelajar dilaporkan oleh Johdi dan lain-lain (2012). Pelajar yang belajar dengan penuh minat akan berasa seronok dan terdorong untuk lebih berusaha dalam mencapai matlamat untuk memperolehi gred A. Menurut (Noor Erma et al, 2014), minat merupakan suatu perkara penting sebagai pendorong kepada murid untuk bergiat cergas dalam aktiviti pembelajaran.

Menurut (Quek, 2006) kajian menunjukkan rakan sebaya juga mempunyai hubungan positif dengan pencapaian pelajar. “Kecemerlangan pencapaian akademik pelajar bergantung kepada bagaimana mereka memilih kawan”. Pernyataan tersebut di nyatakan dalam kajian Yahaya dan A Liju (2010). Beliau juga menambah lagi dalam pernyataan tersebut dengan mengatakan bahawa pelajar yang memilih kawan yang baik dan cemerlang dalam matapelajaran akan menyebabkan mereka juga akan cemerlang dalam matapelajaran, namun sekiranya mereka salah memilih kawan maka mereka juga akan turut terjerumus ke arah kegagalan terutamanya tidak fokus kepada pelajaran.

Hal ini juga disokong dalam kajian Yahaya dan Omar (2010) yang berpendapat bahawa rakan sebaya yang cemerlang dalam sesuatu matapelajaran itu akan membantu ke arah kecemerlangan rakannya melalui bantuan, pengaruh dan tahap ilmu mereka. Ini kerana, personaliti pelajar akan berubah mengikut rentak personaliti rakan mereka sama ada terarah kepada tingkah laku yang positif atau negatif.

#### 4.0 METODOLOGI

Tujuan kajian dilakukan adalah untuk mengenalpasti tahap pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus teori Undang-Undang Komersan. Kaedah metodologi yang digunakan adalah menggunakan kaedah borang soal selidik terhadap responden iaitu 100 pelajar semester 3 hingga semester 6 Diploma Perakaunan di Jabatan Perdagangan di Politeknik Seberang Perai. Ini berdasarkan populasi seramai 135 pelajar Diploma Perakaunan yang telah mengambil kursus ini dan dipilih secara rawak. (Krejcie and Morgan, 1970).

Reka bentuk kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan reka bentuk deskriptif tinjauan. Kaedah ini juga sering digunakan kerana maklumat yang tepat dapat diperolehi berkenaan kumpulan yang besar dengan menggunakan sampel yang kecil (Noraini, 2010). Untuk kajian ini, soal selidik yang dibina merangkumi 3 objektif kajian yang mengandungi 10 item untuk setiap objektif. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science* (SPSS) versi 21.0. Nilai kekerapan, peratusan dan min dikira untuk menentukan kecenderungan memusat pengaruh sesuatu faktor terhadap pencapaian pelajar.

Menurut Sidek Mohd Noah (2001), menyatakan bahawa isu yang paling penting adalah isu mengenai perwakilan dan kecukupan. Pelbagai persoalan perlu dikemukakan berkenaan dengan saiz sampel yang perlu untuk mewakili populasi kajian. Sekiranya saiz sampel yang dipilih merangkumi jumlah responden yang besar maka ini dapat memberi nilai ketepatan yang lebih tinggi.

Untuk mendapatkan maklumat atau data mengenai pembolehubah yang dikaji, borang soal selidik telah digunakan. Borang soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Di Bahagian A mengandungi maklumat demografi. Manakala Bahagian B mengandungi 30 soalan berkaitan dengan objektif kajian.

Keputusan kajian ini akan ditunjukkan dalam bentuk peratusan dan min skor. Min skor tertinggi bagi setiap pernyataan ialah 5.0 manakala min terendah ialah 1.0 berdasarkan kepada skala 1.0 mewakili sangat tidak setuju, skala 2.0 mewakili tidak setuju, 3.0 mewakili kurang setuju, skala 4.0 setuju dan skala 5.0 mewakili sangat setuju.

**Jadual 2:** Skala Likert

Tahap	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Skala	1.0	2.0	3.0	4.0	5.0

## 5.0 ANALISA KEBOLEHPERCAYAAN DATA

Pengujian kebolehppercayaan item adalah menggunakan *Cronbach's Alpha*. Analisis item dilakukan dengan tujuan untuk memastikan item-item yang dipilih adalah benar-benar baik dan sesuai untuk dijadikan instrumen kajian (Gay dan Airasian, 2002).

Berdasarkan kepada jadual di atas, didapati nilai *Cronbach's Alpha* adalah melebihi tanda aras yang ditetapkan. Menurut Sekaran (2003), jika nilai *Cronbach's Alpha* melebihi 0.6 maka skala tersebut cukup dipercayai untuk mengukur sesuatu kajian. Maka borang soal selidik tersebut mempunyai kebolehppercayaan yang tinggi dan boleh diedarkan kepada responden.

**Jadual 3:** Keputusan Ujian Kebolehppercayaan

Konstruk	<i>Cronbach's Alpha</i>	Nilai Kebolehppercayaan
		<i>CR (Composite/Reliability)</i>
Kaedah Pembelajaran	0.800	0.801
Minat Pelajar	0.792	0.774
Pengaruh Rakan Sebaya	0.869	0.872

## 6.0 DAPATAN KAJIAN

Terdapat 10 soalan yang telah disediakan untuk mengkaji faktor kaedah pembelajaran ini. Soalan pertama menunjukkan bahawa pelajar mudah faham apabila belajar melalui pembentangan dengan mendapat min skor 3.08. Soalan kedua pula menunjukkan bahawa kekerapan berjumpa dengan pensyarah telah mendapat skor min 3.31. Bagi soalan ketiga berkaitan dengan menghafal nota-nota penting dalam matapelajaran undang-undang komersan mendapat min skor 3.87. Seterusnya, soalan keempat menyatakan bahawa responden yang mengisi masa lapang dengan mengulangkaji kursus undang-undang komersan mendapat min skor 3.14. Soalan kelima menunjukkan penggunaan jadual belajar untuk mengulangkaji mendapat min skor 3.01. Soalan keenam pula menunjukkan perbincangan bersama pensyarah sebelum sesi pengajaran bermula mendapat skor min 3.15.

Soalan ketujuh menyatakan bahawa responden yang memilih belajar bersendirian mendapat min skor 3.98, manakala responden yang memilih untuk belajar secara berkumpulan mendapat min skor 3.28. Soalan kesembilan responden bersetuju bahawa tugas *case study* sangat membantu dalam mempelajari dan memahami kursus undang-undang komersan mendapat min skor 3.55. Soalan terakhir berkaitan nota tambahan dalam bentuk peta minda mendapat min skor 3.71. Dapatan faktor kajian pertama iaitu pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus Undang-Undang Komersan dipengaruhi oleh kaedah pembelajaran, skor min adalah 3.40 (sederhana).

Terdapat 10 soalan yang telah disediakan berkaitan faktor minat terhadap pencapaian pelajar terhadap kursus Undang-Undang Komersan. Soalan pertama menunjukkan responden yang rajin membaca mendapat min skor 2.97. Soalan kedua pula, responden yang aktif semasa sesi pembelajaran kursus Undang-Undang Komersan mendapat min skor 3.27. Soalan ketiga, responden yang sentiasa hadir ke kelas mendapat min skor 3.82. Soalan keempat, berkaitan keupayaan pelajar menyiapkan tugas yang diberi dalam masa yang ditetapkan mendapat min skor 3.83. Soalan kelima, berkaitan dengan minat pelajar terhadap kursus berbentuk teori memperoleh min skornya 2.98. Soalan keenam berkaitan dengan semangat pelajar untuk memupuk kefahaman terhadap kursus Undang-Undang Komersan mendapat min skor 3.67. Soalan tujuh berkaitan pelajar yang minat belajar secara bersendirian mendapat min skor 3.84. Soalan kelapan, responden bersetuju paparan video lebih menarik minat mereka untuk belajar mendapat min skor 3.59. Soalan kesembilan, responden bersetuju isi kandungan kursus Undang-Undang Komersan menarik minat pelajar mendapat min skor 3.08. Soalan terakhir responden bersetuju pelajar lebih berminat membaca nota ringkas pensyarah mendapat min skor 3.59. Bagi faktor kedua iaitu pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus Undang-Undang Komersan dipengaruhi oleh minat pelajar, skor min adalah 3.46 (sederhana).

Bagi melihat objektif kajian yang ketiga iaitu berkaitan pengaruh rakan sebaya, 10 soalan telah disediakan. Soalan pertama menunjukkan bahawa minat terhadap kursus Undang-Undang Komersan adalah kerana dipengaruhi rakan-rakan sekelas yang juga serius dalam kursus tersebut mendapat min skor 3.42. Soalan kedua pula responden dipengaruhi oleh rakan-rakan sekelas yang turut meminati kursus Undang-Undang Komersan mendapat min skor 3.21. Soalan ketiga berkaitan galakkan daripada rakan-rakan untuk hadir ke kelas kursus Undang-Undang Komersan telah mendapat skor min 3.61. Soalan keempat pula menunjukkan bahawa rakan-rakan mempengaruhi responden untuk bersama-sama mempelajari kursus Undang-Undang Komersan mendapat min skor 3.50. Soalan kelima pula berkaitan dengan perbincangan bersama rakan-rakan berkenaan topik yang tidak difahami mendapat min skor 3.57. Soalan keenam pula berkaitan kepakaran rakan dalam kursus Undang-Undang Komersan wajar dijadikan salah seorang ahli dalam *group study* mendapat min skor 3.56. Bagi soalan ketujuh rakan-rakan menjadi perangsang untuk mempelajari kursus Undang-Undang Komersan mendapat min skor 3.37. Soalan kelapan pula berkenaan dengan semangat ingin bersaing dalam memperoleh markah tertinggi mendapat min skor 3.54.



Soalan kesembilan pula berkaitan rakan-rakan membantu menerangkan topik yang tidak difahami mendapat min skor 3.45. Bagi soalan terakhir pula berkaitan dengan perkongsian nota dalam kalangan pelajar kelas lain mendapat min skor 3.67. Bagi faktor yang ketiga, pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus Undang-Undang Komersan dipengaruhi oleh rakan sebaya, skor min adalah 3.49 (sederhana).

**Jadual 4:** Analisis Soalan Berkaitan Objektif Kajian

<b>Faktor Kajian</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Tahap</b>
1. Faktor kelemahan pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus Undang-Undang Komersan berdasarkan pengaruh rakan sebaya.	3.49	Sederhana
2. Faktor kelemahan pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus Undang-Undang Komersan berdasarkan minat pelajar.	3.46	Sederhana
3. Faktor kelemahan pencapaian pelajar perakaunan dalam kursus Undang-Undang Komersan berdasarkan kaedah pembelajaran.	3.40	Sederhana

## **7.0 PERBINCANGAN**

Hasil dapatan dalam mengenalpasti tahap pencapaian pelajar Diploma Perakaunan dalam kursus teori Undang-Undang Komersan adalah disebabkan pengaruh rakan sebaya. Hal ini boleh dikatakan bahawa pelajar lebih bercenderung untuk dipengaruhi oleh faktor ini dalam mempelajari kursus teori Undang-Undang Komersan. Kerana, berdasarkan maklumbalas yang diterima oleh responden pelajar lebih selesa untuk belajar dan berkongsi serta berbincang bersama-sama rakan daripada memilih kaedah pembelajaran yang dikemukakan di dalam soal selidik tersebut.

Seterusnya, hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa minat merupakan aspek kedua yang perlu dititikberatkan. Minat merupakan suatu elemen untuk mempengaruhi para pelajar agar lebih fokus dalam kursus Undang-Undang Komersan. Melalui elemen minat ini, seseorang individu mempunyai kebolehan yang sederhana, mereka selalunya boleh mengembangkan minat dan berusaha dengan gigih sehingga mereka berjaya. Selain itu, minat juga merupakan keinginan atau kecenderungan kepada sesuatu. Dalam faktor minat ini, boleh dikatakan bahawa pelajar mampu untuk memperbaiki pencapaian mereka dalam kursus berbentuk teori dengan memupuk minat terhadap kursus tersebut.

Akhir sekali, dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran merupakan faktor yang perlu dititikberatkan memandangkan faktor ini mendapat min terendah. Faktor ini merupakan elemen utama para pelajar tidak mendapat pencapaian yang memuaskan dalam kursus teori Undang-Undang Komersan.

Hal ini boleh disimpulkan bahawa pelajar Diploma Perakaunan tidak membuat perancangan untuk mempelajari dan memahami kursus teori ini. Hal ini disebabkan, pelajar tidak menggunakan kaedah pembelajaran dengan betul atau pelajar menggunakan kaedah pembelajaran yang tidak bersesuaian dengan mereka.

## **8.0 RUMUSAN**

Berdasarkan analisis data, pengkaji mendapati pelajar jurusan Diploma Perakaunan mempunyai persepsi diri bahawa tahap penguasaan teori mereka bagi kursus Undang-undang Komersan adalah disebabkan oleh sikap mereka yang beranggapan sekadar ingin memenuhi syarat pemarkahan kursus dan bukannya untuk perkembangan kemahiran mereka dalam menguasai dunia perakaunan. Oleh itu, aspek kaedah pembelajaran yang betul perlu diberi penekanan supaya ia boleh mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus tersebut. Menurut Tuan Jah Tuan Yusof (2011) pendekatan pengajaran memainkan peranan penting dalam mendekati atau memulakan proses pengajaran sesuatu isi pelajaran, sesuatu mata pelajaran atau sesuatu kemahiran. Ia boleh digolongkan kepada beberapa aspek, iaitu mengikut cara pengelolaan murid, cara fakta disampaikan, keaktifan murid dan pengajaran bahasa. Minat pelajar dan pengaruh rakan sebaya juga menjadi faktor pendorong pelajar Diploma Perakaunan terhadap kursus Undang-Undang Komersan. Ini disokong oleh (Long, 1982) yang mengatakan minat boleh dianggap sebagai daya penggerak yang mendorong kita supaya memberikan perhatian kepada seseorang atau ia merupakan pengalaman yang berpengaruh yang telah dirangsang oleh kegiatan itu sendiri. Arah pemikiran kita adalah kerana minat berkaitan dengan situasi di mana kita berada.

Manakala rakan sebaya menurut Nursuhaili (2010) mempengaruhi sikap dan tingkah laku seseorang individu. Jika seseorang pelajar berkawan dengan pelajar yang meminati kursus tersebut, kecenderungan untuk meminati kursus tersebut adalah lebih besar. Ini bersesuaian seperti yang dinyatakan tentang impak rakan sebaya dalam perkembangan individu di mana setiap individu akan cenderung memilih rakan yang mempunyai minat dan kecenderungan yang sama.

## **9.0 IMPLIKASI KAJIAN**

Justeru itu, diharapkan dapatan kajian yang diperolehi pengkaji dapat memberi manfaat dan faedah kepada para pelajar Diploma Perakaunan di Politeknik Seberang Perai. Hasil daripada kajian yang dijalankan ini adalah amat berguna dan berkepentingan kepada beberapa pihak yang terlibat. Melalui kajian ini, mungkin dapat memberi rujukan dan pendedahan kepada pensyarah, pelajar serta Kementerian Pelajaran Tinggi (KPT). Ianya digunakan sebagai suatu bahan rujukan serta petunjuk kepada pensyarah.

Melalui hasil kajian ini pensyarah dapat mengenalpasti faktor kelemahan serta kekurangan pelajar Diploma Perakaunan dalam kursus teori terutamanya kursus Undang-Undang Komersan sebagai pengisian dalam memperbaiki mutu pengajaran agar dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

Kajian ini juga penting kepada pelajar, ianya boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pelajar. Melalui data-data dari hasil kajian ini, pelajar dapat memperbaiki kelemahan mereka. Contohnya, pelajar boleh meningkatkan tahap kesedaran dalam diri bahawa Undang-Undang Komersan bukanlah suatu kursus yang boleh dipandang remeh.

Pihak politeknik dan kementerian juga boleh memanfaatkan kajian ini sebagai pembuka laluan kepada mereka dalam mencari jalan terbaik bagi merangka satu sistem kurikulum yang lebih komprehensif dan bersepadu bersesuaian dengan sasaran kerjaya pada masa akan datang.

## 9.0 RUJUKAN

- Baharuddin, N. (2010). Hubungan Antara Kemahiran Sosial Dengan Tingkah Laku Sosial Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah Di Tabika Kemas, Beaufort. *Tesis Sarjana*.
- Erma, N. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*.
- Hussain, S. M. (2014). Keberkesanan Pembelajaran Kooperatif Untuk Meningkatkan Motivasi Pelajar Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Kie, H. S. (2013). *Fundamentals Of Accounting*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Long, A. (1982). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn Bhd.
- Malaysian Qualification Agency. (2014). *Standard Program Perakaunan*.
- Noah, S. M. (2001). *Assessment In Counselling*. Serdang: FPP Publication.
- Quak. (2006). Pengaruh Rakan Sebaya Dengan Pencapaian Matematik Di Kalangan Pelajar Tinkatan 4 Di Daerah Batu Pahat. *Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Radha Nambiar, N. I. (2008). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 2. *Jurnal e-Bangi, Jilid 3*.
- Sekaran, U. (2003). *Reserch Methods For Business*. Hobokent, New Jersey: John Wiley & Son.
- Sinar Harian. (2015, Mei 25). 60,000 Akauntan Diperlukan Menjelang 2020.

Yahaya dan A Liju. (2010). *Pengaruh Negatif Rakan Sebaya*. Retrieved from <http://eprints.utm.my/10388/1/29.9>.

Yahaya dan Omar. (2010). *Pengaruh Negatif Rakan Sebaya Terhadap Tingkah laku Negatif Pelajar*. Retrieved from <http://eprints.utm.my/10402/1/30.9>.

Yusuf, T. J. (2010). *Kaedah Pengajaran Bahasa melayu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Multimedia.